



JANUARI - JUN
2016

Buletin **MPBP**

MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

JALAN PEJABAT, 83000 BATU PAHAT, JOHOR



Buletin **MPBP**

MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

JANUARI - JUN
2016



info@mpbp.gov.my



www.mpbp.gov.my



Amanat Yang Dipertua dan Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis.



Pelepasan Le Tour De Langkawi dari Batu Pahat ke Melaka.



Program Gerak Mesra Zon 18.



Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2016 Daerah Batu Pahat.

JALAN PEJABAT, 83000 BATU PAHAT, JOHOR

EMAIL : info@mpbp.gov.my WEB : www.mpbp.gov.my

FAKS : 07 432 1164 | TEL : 07 434 1045 / 07 431 0006 / 07 431 0008

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN YDP 03	11 LAWATAN PELAJAR PELANCONGAN UTM
PERASMIAN BURGER KING CAWANGAN BATU PAHAT 04	12 LOCAL AGENDA 21 DAN BLACK SPOT BANDAR SELAMAT
MAJLIS RAMAH MESRA MPBP 04	12 MESYUARAT KELAB BUNGA TANJUNG 2016
GERAK MESRA ZON 8 05	13 UNDIAN PASAR RAMADHAN
DIALOG ANTARA TUAN YANG DIPERTUA 05	13 PERLAWANAN AKHIR PIALA FA
BANTUAN TAHUN BARU CINA 06	14 KEMBARA MAHKOTA JOHOR (KMJ) 2016
AMANAT YANG DIPERTUA DAN MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS 06	15 TAKLIMAT PEKELILING BILANGAN 1 TAHUN 2016
KEJOHANAN BOLA SEPAK LIGA PIALA YDP 07	15 IKRAR DAN PENYAMPAIAN WATIKAH
PERTANDINGAN SENI SUARA BURUNG 07	16 CERAMAH KESIHATAN PENIAGA BAZAR RAMADHAN
LE TOUR DE LANGKAWI 08	16 LAWATAN MPBP KE MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN
SAMBUTAN MAULIDUL RASUL MPBP 09	17 KUNJUNGAN DATUK TEE SIEW KIONG KE KILANG MIAOW MIAOW
BACAAN YASSIN DI KEDIAMAN YDP 09	18 MESYUARAT YAYASAN PENGKARAM
LET'S CLEAN, GO GREEN 10	18 SUMBANGAN BAJU RAYA
KEJOHANAN PENTANQUE PIALA YDP 11	

SIDANG REDAKSI

Penaung : Tuan Haji Ramli Bin Abdul Rahman

Penasihat : En. Mohd Farid Bin Hassan

Editor : Unit Perhubungan Awam dan Korporat MPBP

Jurugambar : 1. En. Hazrul Azam bin Masrom

**Rekabentuk dan terbitan :
Unit Perhubungan Awam dan Korporat MPBP**

Sidang Redaksi Buletin MPBP amat mengalu-alukan sumbangan idea dan penulisan daripada wargakerja dan orang ramai dalam penerbitan Buletin MPBP. Sebarang idea bolehlah dikemukakan di:-

**Majlis Perbandaran
Batu Pahat
Jalan Pejabat
83000 Batu Pahat**

Tel : 07 - 433 3658
07 - 433 3144
Fax : 07 - 432 1164

GALERI



MESYUARAT YAYASAN PENGGRAM

Pada 23 Jun 2016, bertempat di bilik mesyuarat utama Majlis Perbandaran Batu Pahat telah diadakan mesyuarat Yayasan Penggram, Batu Pahat. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan selaku Pengerusi Yayasan Penggram, Batu Pahat. Turut hadir Ahli Lembaga Pemegang Amanah yang lain dan juga urusetia Yayasan Penggram, Batu Pahat. Mesyuarat membincangkan status cadangan pendaftaran Yayasan serta aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan.

SUMBANGAN BAJU RAYA

Bersempena Hari Raya Aidilfitri yang lalu, Majlis Perbandaran Batu Pahat bersama Yayasan Penggram Batu Pahat telah memberikan sumbangan kepada anak-anak Pusat Pemuliharaan Dalam Komuniti (PDK) dan adik-adik asnaf daerah Batu Pahat. Majlis ini telah diadakan di Jakel Batu Pahat pada 28 Jun 2016.

Hadir menghulurkan sumbangan ialah En. Mohd Farid bin Hassan, Setiausaha MPBP dan wakil ALPA Yayasan Penggram Batu Pahat iaitu Puan Hajah Haliza binti Abdullah.

PERUTUSAN YDP

ASSALAMUALAIKUM W.B.T



Syukur kehadiran-Nya kerana di atas izinnya Majlis Perbandaran Batu Pahat sekali lagi dapat menerbitkan Buletin Majlis Perbandaran Batu Pahat Edisi 1/2016. Buletin yang diterbitkan ini merupakan salah satu medium untuk perkongsian informasi yang dipaparkan supaya dapat memberikan gambaran berkaitan peranan dan fungsi MPBP kepada agensi kerajaan, swasta serta masyarakat umum.

Sepanjang berkhidmat di Majlis Perbandaran Batu Pahat ini, dapat di lihat warga MPBP bertungkus – lumus bekerjasama memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai. Syabas dan tahniah kepada warga MPBP yang tidak pernah berputus asa dalam melaksanakan tanggungjawab walaupun kita dilimpahi dengan pelbagai cabaran dan rintangan sewaktu memberikan perkhidmatan.

Saya berharap agar warga MPBP sentiasa peka terhadap permasalahan yang berlaku supaya dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan cepat dan tepat terutamanya berkaitan aduan awam. Dengan kepantasan dan kecekapan dalam melaksanakan tanggungjawab, saya mengharap agar masalah yang dihadapi dapat ditangani dengan jayanya.

Marilah kita bersama-sama menyumbangkan idea untuk menginovasikan Majlis Perbandaran Batu Pahat ini agar dapat memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada masyarakat terutamanya di daerah Batu Pahat ini. Saya yakin dan percaya dengan usaha serta komitmen semua warga MPBP, kemajuan dan kesejahteraan akan sentiasa menyinari persekitaran Batu Pahat ini.

BERSAMA MPBP "MAJU DAN SEJAHTERA"

HAJI RAMLI BIN ABDUL RAHMAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT



PERASMIAN BURGER KING CAWANGAN BATU PAHAT

Pada 7 Januari yang lalu telah berlangsungnya majlis perasmian pembukaan Restoran Burger King bagi cawangan Batu Pahat. Majlis yang berlangsung di restoran berkenaan telah diserikan lagi dengan kehadiran Menteri Besar Johor, YAB Dato' Mohamed Khaled Nordin. Beliau telah berkesudian merasmikan pembukaan restoran tersebut.

Para tetamu yang hadir telah dihidangkan dengan burger dan makanan lain secara percuma. YAB Dato' Mohamed Khaled Nordin turut memberi sedikit ucapan dan seterusnya melancarkan perasmian tersebut.

MAJLIS RAMAH MESRA MPBP

Majlis ramah mesra yang berlangsung di Surau Taman Sri Penggaram pada 12 Januari 2016 yang lalu telah dihadiri oleh penduduk sekitar Taman Sri Penggaram serta wakil daripada MPBP. Majlis yang dijalankan bertujuan untuk mendengar serta berbincang untuk menyelesaikan masalah penduduk setempat. Majlis ramah mesra seperti ini juga bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan antara penduduk setempat bersama MPBP.

Turut hadir sama dalam majlis yang diadakan itu ialah Yang DiPertua MPBP Tuan Haji Ramli Bin Abd Rahman, Setiausaha MPBP En. Mohd Farid bin Hassan, Ketua Jabatan Bangunan dan Kejuruteraan, serta Ketua Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.



Kunjungan Datuk Tee Siew Kiong Ke Kilang Miaow Miaow

Pada 13 Mei 2016, bersempena Lawatan kerja Datuk Tee Siew Kiong, (Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan Kepenggunaan Negeri Johor) ke Daerah Batu Pahat, Y.B Datuk telah berkesudian untuk singgah di Majlis Perbandaran Batu Pahat mendengar taklimat pembangunan industri yang disampaikan oleh Jabatan Perancang MPBP.



Ceramah kesihatan peniaga bazar ramadhan

Ceramah kesihatan yang berlangsung pada 19 Mei 2016 ini telah diadakan di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim. Peniaga-peniaga yang hadir telah didedahkan dengan pelbagai infomasi berkaitan cara penyediaan makanan yang sihat.



Lawatan MPBP Ke Majlis Bandaraya Kuching Selatan

Majlis Perbandaran Batu Pahat telah mengadakan lawatan ke Majlis Bandaraya Kuching Selatan. Lawatan disertai oleh Tuan YDP MPBP, Tuan Haji Ramli bin Abdul Rahman, Ahli-ahli Majlis MPBP dan wakil Jabatan MPBP.

Seterusnya Tuan YDP serta rombongan telah dibawa ke beberapa tempat tumpuan pelancongan seperti Taman SAHABAT dan Pasar Stutong. Terima kasih diucapkan kepada Datuk Bandar Kuching Selatan serta seluruh warganya di atas kesudian menerima kunjungan kami.



Gerak Mesra Zon 8

Bersempena Program Gerak Mesra Zon 8 yang dipengerusikan oleh En. Mohd Fared bin Mohd Khalid, telah dijayakan pada 17 Januari 2016 di Dewan Jubli Intan Batu Pahat. Program ini dirasmikan oleh Y.B Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, ADUN kawasan Senggarang. Turut hadir ialah En. Zaidi bin Japar, Ketua WHIP MPBP.

Terdapat pelbagai aktiviti yang dijalankan untuk memeriahkan lagi acara antaranya ceramah kesihatan, pameran agensi kerajaan dan swasta, pemeriksaan kesihatan, cabutan bertuah, penyampaian hadiah dan banyak lagi.

Melalui program seperti ini masyarakat setempat akan lebih terdedah dengan pengetahuan berkaitan kesihatan mereka. Secara tidak langsung orang ramai dapat mengelakkan perkara-perkara yang boleh memudaratkan kesihatan.



Sesi Dialog Bersama Tuan Yang Dipertua

Majlis Dialog bersama peniaga sekitar BP Walk, Jalan Rahmat pada 1 Februari 2016.





Program penyampaian bantuan bersempena Tahun Baru Cina 2016 yang dianjurkan oleh Yayasan Penggaram Batu Pahat telah berjalan dengan lancar pada 3 Februari 2016. Program tersebut telah dirasmikan oleh Tuan Haji Ramli Abdul Rahman selaku Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat. Turut sama dalam pemberian sumbangan tersebut ialah Encik Zaidi Japar, Ketua WHIP Majlis Perbandaran Batu Pahat, En. Kang Beng Kuan, Timb. Ketua WHIP MPBP, dan ahli-ahli Majlis MCA yang lain dan juga Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Penggaram, Batu Pahat. Bantuan tersebut telah diagihkan kepada mereka yang kurang berkemampuan bersempena Tahun Baru Cina.



Taklimat Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2016

Pada 17 Mei 2016, telah berlangsungnya satu taklimat pekeling bilangan 1 tahun 2016 rasional skim perkhidmatan persekutuan. Taklimat pekeling ini telah dirasmikan oleh Encik Adnan bin Mat selaku Timbalan Presiden Anulae Semenanjung Malaysia merangkap Timbalan Setiausaha Agong 1, (CUEPACS). Majlis yang dikelola oleh ANULAE Cawangan Johor Barat ini telah diadakan di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim Batu Pahat.



Amanat Yang Dipertua Dan Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis

Bersempena Majlis Amanat Tuan Yang Dipertua MPBP pada 15 Januari 2016, turut diadakan secara serentak Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis bagi penggal 2016-2017. Seramai 24 orang Ahli Majlis telah melaksanakan majlis angkat sumpah tersebut disaksikan Tuan YDP, Tuan Setiausaha, Ketua-ketua Jabatan serta seluruh warga MPBP.



Ikrar Dan Penyampaian Watikah

Pada 18 Mei 2016, telah berlangsungnya majlis bacaan ikrar dan penyampaian watikah pelantikan ketua masyarakat daerah Batu Pahat bagi sesi 2016/2017. Majlis yang bertempat di Bilik Gerakan Pejabat Daerah Batu Pahat ini telah dipengerusikan oleh Encik Mohd Halim, Pegawai Daerah Batu Pahat.



Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2016 Daerah Batu Pahat



Kembara Mahkota Johor 2016 Daerah Batu Pahat yang berlangsung pada 16-17 Mei 2016 telah bermula di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Batu Pahat. Terdapat pelbagai aktiviti yang menarik telah dijalankan antaranya adalah pameran basikal lama, tarian singa, pertunjukan sumpit, permainan tradisional konda-kondi dan banyak lagi.

Kehadiran Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar dirai dengan meriah oleh rakyat setempat.

Pada hari yang sama, Kembara Mahkota turut singgah di Pejabat Daerah Batu Pahat. Baginda dan rombongan diraikan dengan persembahan daripada kumpulan Gfadz Buskers serta beberapa lagi aktiviti yang

dijalankan di Bangunan Tunku Mahkota Ibrahim.

Perjalanan diteruskan lagi pada keesokan harinya ke Daerah Pontian. Sebelum itu, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar telah singgah di kiosk Daily Fresh di Pekan Rengit dan beramah mesra dengan penduduk Pekan Rengit.



Kejohanan Bola Sepak Liga Piala YDP

Bersempena hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, pada 20 Februari hingga 1 Mei 2016 telah diadakan acara kejohanan bola sepak Liga Piala YDP. Kejohanan bola sepak liga piala Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat ini telah berlangsung di Stadium Batu Pahat Jalan Ampuan. Kejohanan tersebut telah melibatkan 16 buah pasukan.

Pada 22 Mei 2016, perlawanan akhir bagi kejohanan bola sepak Liga Piala YDP telah diadakan bagi penentuan juara. Perlawanan akhir ini diserikan lagi dengan kehadiran Tuan Haji Ramli Abdul Rahman selaku Yang Dipertua MPBP. Pasukan Budiman Gergasi telah membawa pulang RM 10,000 setelah dinobatkan sebagai juara perlawanan ini. Manakala pasukan Nuroth FC mendapat tempat kedua dan telah membawa pulang RM 7,000.

Terdahulu, penentuan tempat ketiga dan keempat telah diadakan pada 20 Mei 2016 di antara pasukan MPBP dengan IPD Batu Pahat. Dalam penentuan tersebut, pasukan MPBP telah berjaya merangkul tempat ketiga dengan membawa pulang wang sebanyak RM 5,000 manakala pasukan IPD Batu Pahat sekadar berpuas hati di tempat keempat.



Pertandingan Seni Suara Burung

Pada tarikh yang sama iaitu 22 Mei 2016, bertempat di padang Taman Bukit Perdana telah berlangsungnya pertandingan seni suara merbok dan burung terkukur. Penyertaan adalah terbuka kepada semua dan terdapat juga penyertaan dari seluruh negara termasuk Thailand. Turut diadakan acara cabutan bertuah bagi peserta yang mendaftar.





Pelepasan Le Tour De Langkawi Dari Batu Pahat Ke Melaka

Pada 2 Mac 2016, telah berlangsung acara pelepasan Le Tour De Langkawi. Pelepasan tersebut telah dilaksanakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Mohamad Haji Aziz, speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor di Bangunan Persekutuan Batu Pahat. Kayuhan sejauh 119.9km ini telah berakhir di Melaka Bandaraya Bersejarah.



'BIG SCREEN' PERLAWANAN AKHIR PIALA FA



Pada 14 Mei 2016 yang lepas, penyokong JDT telah berkumpul beramai-ramai di Dataran Penggaram, Batu Pahat untuk menonton perlawanan akhir Piala FA 2016 yang disiarkan secara langsung. Suasana bertambah meriah apabila pasukan JDT menjuarai perlawanan akhir piala FA tersebut. Memeriahkan majlis pada hari tersebut ialah acara cabutan berhadiah barangan sukan berjenama yang diberikan kepada penyokong yang hadir.



Undian Tapak Bazar Ramadhan

Undian tapak Bazar Ramadhan bagi tahun 2016 telah diadakan pada 9, 10, dan 11 Mei 2016. Proses undian diadakan di Dewan Jubli Intan, Batu Pahat. Seramai lebih kurang 787 orang peniaga terlibat dalam proses undian tersebut.



Program Gerak Mesra Zon 18, Local Agenda 21, & Perasmian Projek Blackspot Program Bandar Selamat

Program Gerak Mesra Zon 18 ini telah berlangsung pada 8 April 2016 di kawasan Lapang Taman Sri Penggaram Batu Pahat. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Mohd Halim bin Hasbullah, Pegawai Daerah Batu Pahat.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang Program Gerak Mesra ini berlangsung. Antaranya adalah sukaneka, pertandingan mewarna bagi kanak-kanak, kaunter aduan masyarakat, pameran bomba dan polis, pemeriksaan kesihatan, cabutan bertuah dan penyampaian hadiah. Program Gerak Mesra Zon 18 ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada orang ramai.



Mesyuarat Kelab Bunga Tanjung 2016

Mesyuarat Kelab Bunga Tanjung yang berlangsung untuk kali ke-8 ini telah berjalan dengan lancar pada 21 April 2016. Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh Encik Mohd Farid bin Hassan, wakil rasmi Tuan Yang Dipertua Haji Ramli Abdul Rahman.



Sambutan Maulidul Rasul MPBP



Telah berlangsungnya Majlis Sambutan Maulidul Rasul di perkarangan Dataran Batu Pahat pada 3 Mac 2016. Majlis Maulidul Rasul di bawah kelolaan Majlis Perbandaran Batu Pahat ini diserikan lagi dengan kehadiran penceramah bebas, Ustaz Zul Ramli Mohamed Razali.

Turut hadir, Tuan Haji Mohd Halim bin Hasbullah, Pegawai Daerah Batu Pahat & En. Zaidi bin Japar, Ketua WHIP MPBP serta Ahli Majlis yang lain.



Bacaan Yassin Di Kediaman Rasmi Tuan YDP

Pada 5 Mac 2016, telah diadakan majlis bacaan Yaasin dan doa selamat di kediaman rasmi Tuan Yang Dipertua MPBP.

Mengimarahkan bacaan Yaasin tersebut adalah pelajar-pelajar dari sekolah tahfiz yang dijemput khas dan juga kakitangan MPBP.

"Let's Clean, Go Green"

Pada 20 Mac 2016, bersempena dengan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Pejabat Daerah Batu Pahat dengan kerjasama Majlis Perbandaran Batu Pahat, Pejabat Kesihatan Batu Pahat, Pejabat Belia dan Sukan, serta Kelab Kecergasan Batu Pahat telah mengadakan satu program gotong-royong bersama penduduk setempat.

Program gotong-royong yang diberi nama "Let's Clean, Go Green" ini telah diadakan di Hutan Lipur Soga Perdana

Batu Pahat. Peserta yang mengikuti gotong-royong tersebut telah di bahagikan kepada beberapa bahagian untuk membersihkan kawasan yang diberikan.

Selain daripada membersihkan kawasan di sekitar hutan lipur tersebut, terdapat juga peserta yang bergotong-royong menanam pokok-pokok baru di tanah lapang. Program ini bertujuan untuk membaik pulih kawasan rekreasi di samping mampu mengeratkan hubungan silaturrahim.



Kejohanan Petanque Piala YDP MPBP

Kejohanan petanque piala YDP yang berlangsung pada 2 dan 3 April 2016 telah diadakan bersempena hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar. Perlawanan yang bertempat di Arena Petanque, Taman Flora

ini telah dikelola oleh Kelab Petanque Batu Pahat.

Tuan Haji Ramli bin Abdul Rahman selaku YDP Majlis Perbandaran Batu Pahat turut hadir untuk merasmikan kejohanan petanque berkenaan.

Acara yang berlangsung selama dua hari ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran peserta dan penduduk setempat. Kejohanan ini telah diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada setiap pemenang yang juga telah disampaikan oleh Tuan YDP.



Lawatan Pelajar Pelancongan Universiti Teknologi Malaysia

Pada 6 April 2016, seramai 11 orang pelajar dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah hadir untuk mendapatkan taklimat berkenaan produk pelancongan di Batu Pahat. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Pegawai-pegawai Unit Perhubungan Awam & Korporat. Taklimat ringkas tersebut telah diadakan di bilik mesyuarat utama MPBP.